

## **Analisis *Frame Semantics* untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja "Mengambil"**

**(A Frame Semantic Analysis of Meaning and Equivalents in Malay-English Dictionaries: The Entry for the Verb "Mengambil")**

\*INTAN SAFINAZ ZAINUDIN  
NOR HASHIMAH JALALUDDIN  
IMRAN HO ABDULLAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: intansafinaz@gmail.com

**Abstrak.** Kajian terhadap kamus dwibahasa oleh pengkaji tempatan di Malaysia kebanyakannya tertumpu pada masalah padanan sahaja. Artikel ini menawarkan kajian linguistik untuk mengendalikan masalah pembahagian sensa makna dan padanan untuk entri "mengambil" daripada dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris, iaitu *Kamus Intelek Malay-English Dictionary* dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. Entri "mengambil" daripada kedua-dua kamus dwibahasa ini didapati tidak lengkap daripada segi pembahagian maknanya apabila dibandingkan dengan kamus rujukan, iaitu *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Untuk mengendalikan permasalahan pembahagian sensa makna, teori *frame semantics* dipilih dan diterapkan dalam analisis linguistik berdasarkan data korpus Universiti Kebangsaan Malaysia-Dewan Bahasa dan Pustaka (UKM-DBP) yang mengandungi lima juta patah perkataan bahasa Melayu. Analisis *frame semantics* mengenal pasti makna ranah berdasarkan bukti korpus bersama maklumat valensi yang membezakan ranah-ranah tersebut. Analisis mendapati bahawa ranah *Mengambil Fizikal* boleh dibahagikan kepada empat ranah yang lain, manakala ranah *Mengambil Abstrak* pula boleh dikembangkan kepada tiga ranah yang lain. Artikel ini hanya membincangkan analisis dua ranah, iaitu ranah *Mengambil Fizikal* dan ranah *Melakukan Aktiviti*. Jika ranah-ranah untuk kata "mengambil" sudah dikenal pasti, maka setiap ranah tersebut dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris daripada FrameNet. Pemetaan ranah bahasa Melayu dan ranah bahasa Inggeris daripada FrameNet membawa kepada padanan bahasa Inggeris yang sesuai untuk entri kamus yang akan dicadangkan. Kajian ini seterusnya menawarkan entri kamus "mengambil" yang lebih tersusun dan mantap daripada segi penyusunan makna dan padanan bahasa Inggeris yang lebih sesuai. Kajian yang dibincangkan ini menunjukkan aplikasi *frame semantics* berjaya menyusun semula sensa kata "mengambil" bersama padanan bahasa Inggeris yang sesuai.

**Kata kunci dan frasa:** *frame semantics*, ranah makna, kamus dwibahasa, FrameNet, padanan

**Abstract.** In Malaysia, research into bilingual dictionaries is mainly focusing on the equivalents. This article is a linguistic analysis research to determine the sense division of an entry "mengambil" from two bilingual dictionaries, Intelek Malay-English Dictionary and Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris. The sense division of the verb entry "mengambil" from the two bilingual dictionaries is incomplete compared to the same entry from the Malay dictionary Kamus Dewan Edisi Keempat. Frame Semantics is adopted in the analysis of the five million word UKM-DBP Malay corpus data to identify the frames of "mengambil". The frames contain frame elements and valence patterns that differentiate one frame from another. The linguistic analysis shows that the physical frame "Mengambil Fizikal" can be further divided into four frames and the abstract frame "Mengambil Abstrak" can be further divided into three frames. This article only discusses two frames: "Mengambil Fizikal" and "Melakukan Aktiviti" which is one of the frames for "Mengambil Abstrak". All the Malay frames are mapped onto the English equivalent frames from the FrameNet database. The mappings of the Malay frames with equivalent English frames lead to the English equivalents that are suitable for bilingual dictionary entry of "mengambil". This analysis offers a complete and revised sense division of the entry "mengambil".

**Keywords and phrases:** frame semantics, frame, bilingual dictionary, FrameNet, equivalents

## Pengenalan

Kajian kamus dwibahasa di Malaysia tidak serancak kajian kamus ekabahasa, iaitu kamus bahasa Melayu. Kamus dwibahasa merupakan alat rujukan yang penting untuk mencari maklumat makna dan terjemahan dua bahasa. Maklumat yang disediakan dalam kamus dwibahasa penting untuk memberikan padanan kepada sesuatu kata dan maklumat linguistik lain seperti aspek morfologi, sintaksis, konteks serta maklumat sosiobudaya yang juga tidak kurang pentingnya untuk pemahaman pengguna kamus. Kajian kamus dwibahasa oleh pengkaji tempatan kebanyakannya hanya tertumpu pada masalah penyusunan kamus (Ibrahim 2005), manakala penulisan yang berkaitan dengan kamus dwibahasa pula kebiasaannya hanya tertumpu pada masalah padanan (Noresah dan Fadilah 2003; Fadilah 2005). Kajian dan penulisan berkenaan masalah padanan di dalam kamus dwibahasa oleh pekamus-pekamus tempatan tidak menawarkan sebarang penyelesaian yang berteraskan analisis linguistik seperti yang pernah dibincangkan oleh Rusmadi (2003).

Artikel ini menumpukan analisis entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris, iaitu analisis linguistik bahasa sumber, iaitu bahasa Melayu berdasarkan data korpus dan kemudian barulah diberikan padanan dan terjemahan yang sesuai dalam

bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris. Artikel ini menganalisis entri kata kerja "mengambil" dengan aplikasi teori *frame semantics* (FS) berdasarkan data korpus Universiti Kebangsaan Malaysia-Dewan Bahasa dan Pustaka (UKM-DBP) yang mengandungi sebanyak lima juta patah perkataan bahasa Melayu, manakala padanannya dalam bahasa Inggeris pula dirujuk menerusi pangkalan data FrameNet. FrameNet<sup>1</sup> ialah suatu pangkalan data bahasa Inggeris yang menyediakan maklumat leksikal bahasa Inggeris berdasarkan teori FS. Artikel ini seterusnya mencadangkan entri "mengambil" untuk kamus dwibahasa yang lebih mantap dan tersusun pengisiannya bagi tujuan terjemahan.

Menurut Atkins dan Rundell (2008), maklumat makna suatu entri dalam kamus dwibahasa perlu mengandungi maklumat padanan atau terjemahan, indikator untuk sensa makna yang berbeza, maklumat nahu, maklumat konteks, label linguistik dan maklumat tentang penggunaannya. Padanan merupakan kata dalam bahasa sasaran yang mewakilkan makna yang sama dengan kata entri bahasa sumber. Terdapat kata yang mempunyai padanan yang sememangnya sepadan dengan makna bahasa sumber dan bahasa sasarnya tetapi kebiasaannya memerlukan adanya penerangan dan terjemahan untuk menyampaikan makna kata bahasa sumber tersebut. Setiap entri kata menyediakan maklumat sensa makna untuk kata tersebut dengan susunan nombor yang membezakan setiap sensa makna yang ada. Indikator sensa ini merupakan maklumat tambahan yang membezakan antara satu sensa dengan satu sensa yang lain di samping bagi membantu memudahkan pengguna kamus untuk mencari maklumat yang dicari di lokasi entri kamus tertentu.

Jika dibandingkan maklumat entri "mengambil" antara kamus *Intelek Malay-English Dictionary* (seterusnya ditulis sebagai IMED) dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris* (seterusnya ditulis sebagai KPBMBI) dengan kamus rujukan, iaitu *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4), didapati bahawa wujudnya ketidakseragaman dari segi maklumat makna dan padanan yang lengkap berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Jadual 1. Jadual 2 pula menunjukkan perbezaan sensa makna "mengambil" antara tiga kamus yang dikaji. Dalam KD4, makna sensa 1, 2 dan 3 boleh disatukan sebagai makna teras kerana maknanya bermaksud memperoleh sesuatu barang dan membawa sesuatu barang tersebut ke tempat yang lain. Makna 5 dan yang lain-lain di dalam KD4 merupakan peluasan makna kepada sensa teras. Sebagai contohnya, menerima seseorang dalam sesebuah perhubungan percintaan atau perhubungan perniagaan. Terdapat 11 sensa makna untuk kata "mengambil" dan jumlahnya ternyata banyak kerana sensa-sensa tersebut didapati mendukung makna yang hampir sama tetapi masih terdapat pertindanan antara setiap sensa tersebut.

**Jadual 1.** Pecahan makna kata "mengambil" dalam KD4, IMED dan KPBMBI

KD4	IMED	KPBMBI
<p>mengambil</p> <p>1. memegang (memungut, memetik, dll) sesuatu serta menyimpannya atau membawa pergi dll) menerima dan menyimpan sesuatu: <i>dia ~ surat yg saya berikan itu dan menyimpannya di dlm laci;</i> 2. memegang dan menarik dsb keluar (dr sakу, beg, dll): ~ <i>wang dr kocek; dia ~ sebentuk cincin dr kotak itu;</i> 3. pergi ke sesuatu tempat dan kembali dgn membawa sesuatu atau seseorang yg dikehendaki (diperlukan dsb), mendapatkan atau memperoleh (sesuatu yg diperlukan): ~ <i>rotan di hutan; air di perigi; dia ke hospital utk ~ ubat; pergi ke sekolah utk ~ anak;</i> 4. memperoleh (membawa pergi dsb) sesuatu kepunyaan orang tanpa pengetahuannya atau dgn tidak mendapatkan kebenarannya: <i>siapa agaknya yg telah ~ fail yg terletak di atas meja itu tadi?</i> 5. menerima seseorang dlm sesuatu hubungan yg tertentu: <i>dia sedia ~ Milah sbg isterinya;</i>  ~ <i>Ahmad sbg rakan kongsi perniagaan;</i> 6. menuliskan (keterangan, penjelasan dsb), mencatatkan: <i>seorang pegawai polis sedang ~ keterangan drpd beberapa orang yg menyaksikan kejadian itu;</i> 7. mengurangi: <i>delapan diambil dua menjadi enam;</i> 8. menerima (utk belajar, bekerja, dsb): <i>syarikat itu akan ~ lebih ramai lagi pekerja bumiputera;</i> 9. mempelajari, mengikuti: <i>seseorang pelajar dikehendaki ~ sekurang-kurangnya empat mata pelajaran;</i> 10. menerima atau meniru (unsur kebudayaan asing dll): <i>kalau mereka berbahasa Melayu, mungkin juga mereka akan ~ cara hidup Melayu;</i> 11. menggunakan atau memenuhi (ruang, tempat, masa, dll)</p>	<p><b>ambil, mengambil</b> to fetch; to take: <i>Ia ~ buku dr dlm almari.</i> She takes out a book from the cupboard; <i>Abang pergi ~ pakaianya di kedai dobi.</i> (Elder) Brother has gone to collect his clothes at the laundry (shop). ~ <b>gambar</b> to take pictures with a camera. ~ <b>angin</b> to go for a walk; to get a breath of air; ~ <b>bahagian</b> to take part; to participate; ~ <b>berat</b> to take seriously; to care; ~ <b>contoh (ibarat, teladan)</b> to take as example or model; ~ <b>di hati</b> to take offence; to take to heart; ~ <b>haluan</b> to determine the course; ~ <b>hati</b> to be in the good books of; to win favour of; ~ <b>ingatan</b> to take note of; ~ <b>jalan</b> to follow road; ~ <b>kesempatan (peluang)</b> to seize the opportunity or chance; ~ <b>keputusan</b> to make decision; to decide; ~ <b>langkah a</b> to begin walking (running, etc); <b>b</b> to take action; to take steps; ~ <b>muka</b> to try to ingratiate oneself; ~ <b>peduli</b> to mind; to worry about; ~ <b>ringkas</b> <b>a</b> to put it briefly; <b>b</b> to do only the necessary things; ~ <b>sempena</b> in commemoration; ~ <b>tindakan</b> to act; to take action. <b>mengambilkan</b> to take or fetch for: <i>Mei Lin ~ minuman untuk ayahnya.</i> Mei Lin fetches a drink for her father.</p>	<p><b>ambil kj</b> membawa dan memegang to take. Jangan ambil barang saya! <b>ambil mengambil kj</b> 1. saling mengambil, saling menerima to take (to give) each other, 2. = <b>seambilan</b> kahwin-mengahwini (antara dua kaum, keluarga) <i>intermarriage within two blood-related family.</i> <b>mengambil kj</b> 1. membawa, memungut, menerima dan menyimpan to take, to fetch, to take and retain. Ah Ming mengambil bukunya dari atas meja. 2. mengurang to subtract, to minus. Seratus diambil lima puluh tinggal lima puluh. ~ abu to obtain nothing. ~ <b>alih</b> to take over. ~ <b>anak</b> to adopt a child. ~ <b>angin</b> to take a walk. ~ bahagian to take part, to participate. ~ <b>berat</b> to take seriously. ~ <b>di hati</b> to take to heart ~ <b>haluan</b> to decide on. ~ <b>hati</b> to please, to captivate. ~ <b>ibarat</b> to cite example. ~ <b>pedoman</b> to decide the direction. ~ <b>peduli</b> to pay heed. ~ <b>pusing</b> to care for, to interfere. ~ <b>teladan</b> to take as a model or example. <b>mengambilkan kj</b> mengambil dari, mengambil untuk to take or fetch for , to obtain, to acquire, to get from. Ibu itu mengambilkan anaknya buah-buahan.</p>

**Jadual 2.** Sensa makna "mengambil" dibandingkan dalam KD4, IMED, KPBMBI

No.	Senarai sensa makna	KD4	IMED	KPBMBI
1.	memegang sesuatu dan menyimpannya	√	√	√
2.	memegang dan menarik sesuatu keluar	√		
3.	pergi ke suatu tempat dan kembali dengan sesuatu atau seseorang yang dikehendaki	√		
4.	memperoleh sesuatu kepunyaan orang tanpa minta kebenaran	√		
5.	menerima seseorang dalam sesuatu hubungan tertentu	√		
6.	menuliskan, mencatatkan	√		
7.	mengurangi, tolak	√		√
8.	menerima untuk belajar atau bekerja	√		
9.	mempelajari, mengikuti	√		
10.	menerima atau meniru	√		
11.	menggunakan atau memenuhi	√		

Kamus dwibahasa IMED pula hanya menyenaraikan satu makna sahaja yang diikuti oleh frasa-frasa contoh. Kamus dwibahasa KPBMBI pula menyediakan dua makna bagi kata *mengambil*. Makna pertama merupakan makna teras "memegang sesuatu" dan makna kedua pula ialah makna "pengurangan" yang turut sama diikuti oleh frasa-frasa contoh. Maklumat yang disediakan oleh kedua-dua kamus dwibahasa didapati terlalu ringkas yang memperlihatkan masing-masing hanya menyenaraikan frasa yang mengandungi kata "mengambil" dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Kerangka teori FS akan dibincangkan secara ringkas selanjutnya dalam kajian ini.

Maklumat nahu yang perlu wujud dalam sesebuah kamus dwibahasa ialah maklumat kelas kata, valensi atau struktur semantik dan sintaksis kata di samping maklumat nahu tersebut sendiri. Dalam kajian ini, semua kata yang dianalisis merupakan entri kata kerja dan daripada analisis berteraskan FS yang akan dilakukan, maka maklumat berkenaan transitiviti kata boleh ditunjukkan seperti dalam kata "mengambil" yang boleh berfungsi sebagai kata kerja transitif dan tak transitif. Maklumat valensi dan nahu juga boleh dihasilkan daripada analisis FS ini. Maklumat konteks, label linguistik dan penggunaan kata juga penting bagi membantu memudahkan pengguna kamus semasa mencari makna dan maklumat yang diperlukan.

### **Kerangka Teori *Frame Semantics* dan Aplikasi**

Kertas kerja ini membincangkan satu analisis aplikasi teori FS entri kata kerja "mengambil" berteraskan data korpus. Teori FS dipelopori oleh sarjana Charles Fillmore (1982). Idea utama teori ini adalah pemerian makna boleh dijelaskan mengikut *semantics frames* atau ranah makna. *Frame* atau ranah makna bermaksud makna sesuatu perkataan tersebut boleh dijelaskan mengikut maklumat konseptual yang sedia ada yang berkaitan dengan ranah latar yang terlibat. Menurut Fillmore, Johnson dan Petruck (2003, 235) ranah atau *frames* merujuk kepada:

*...schematic representations of the conceptual structures and patterns of beliefs, practices, institutions, images that provide a foundation for meaningful interaction in a given speech community.*

Atkins, Filmore dan Johnson (2003, 251–252) menyatakan bahawa teori FS mengaitkan makna suatu kata secara eksplisit dengan konteks sintaktik sesuatu kata. Maklumat daripada data korpus diperlukan untuk menyokong hasil analisis yang mantap seperti yang pernah dinyatakan oleh Atkins, Fillmore dan Johnson.

*A proper way to describe a word is to analyse its semantic content, to identify its semantic neighbours and show how it differs from them, to discover from a study of its behaviour in a corpus the grammatical constructions it which it participates and to record all those through which its full semantic potential is to be expressed.*

Setiap ranah makna mempunyai unsur-unsur ranah yang mendukung makna ranah tersebut. Fillmore dan Petruck (2003) memberi definisi unsur ranah sebagai *frame-specific defined semantic role that is the basic unit of frame*. Sebagai contohnya, untuk ranah *Commercial Event*, unsur ranah yang perlu ada untuk membawa makna ranah *Commercial Event* ialah unsur Pembeli, Penjual, Barang dan Wang. Selain unsur ranah, Fillmore turut mengetengahkan teori valensi, iaitu satu pemerian peranan semantik dan sintaktik bagi setiap argumen untuk suatu kata (Fillmore 1982). Valensi ini didefinisikan oleh Fillmore dan Petruck (2003, 361) sebagai:

*...the particular kinds of constituents, in terms of semantic roles, grammatical functions, and phrase type, with which a word combines in a grammatical sentence.*

Valensi menunjukkan kaedah suatu kata tersebut dapat bergabung dengan kata lain dalam satu frasa untuk menghasilkan satu ayat yang gramatis. Sebagai contohnya, satu kata kerja transitif memerlukan frasa nama sebagai objek kepada kata kerja untuk berfungsi dengan gramatis. Kumpulan valensi pula menunjukkan unsur ranah dan realisasi nahu dalam ayat seperti jenis frasa dan fungsi klausa, manakala pola valensi pula menunjukkan beberapa kumpulan valensi yang terkandung dalam ayat.

Kajian dan penulisan yang berkaitan dengan kamus dwibahasa tempatan yang berteraskan analisis linguistik agak terhad jumlahnya namun keadaan berbeza pula di Barat yang memperlihatkan sudah banyak kajian yang berkaitan dengan kamus dwibahasa dilakukan. Penulisan Fillmore dan Atkins (2000) menunjukkan aplikasi teori FS digunakan dalam analisis entri kata kerja *crawl* dan terjemahannya *ramper* dalam kamus dwibahasa Inggeris-Perancis. Bagi mendapatkan medan makna kata *crawl* dalam bahasa Inggeris, Fillmore dan Atkins menganalisis empat buah kamus bahasa Inggeris bagi mengendalikan kata *crawl*, iaitu kamus *The Cambridge International English of Dictionary* (CIDE 1995), *The Longman Dictionary of Contemporary English* (LDOCE 1995), *The Collins-Cobuild Dictionary of English* (COBUILD 1995) dan *The Oxford Advanced Learner's Dictionary* (OALD 1995).

Fillmore dan Atkins mendapati bahawa pembahagian sensa makna untuk polisemi *crawl* tidak sama bagi setiap kamus yang dibandingkan. Untuk membandingkan makna daripada keempat-empat kamus tersebut dengan makna korpus bahasa Inggeris, mereka telah mendapatkan sensa makna *crawl* daripada data korpus British National Corpus. Perbandingan makna yang disediakan di dalam keempat-empat kamus dan juga di dalam data korpus menunjukkan bahawa maklumat sensa makna daripada keempat-empat kamus tersebut tidak lengkap dan tidak seragam. Menurut Fillmore dan Atkins, perbezaan pemerian makna entri *crawl* daripada keempat-empat kamus yang dikaji didapati masih menimbulkan persoalan, iaitu sama ada cara penyusunan makna polisemi entri tersebut dilakukan secara arbitrari atau wujud sistem tertentu yang digunakan. Mereka juga mempersoalkan kriteria tertentu yang perlu diambil kira semasa menentukan makna polisemi satu-satu kata yang boleh dipersetujui oleh semua pihak.

Perbincangan kajian Fillmore dan Atkins (2000) juga menekankan kepentingan bahawa untuk menyelesaikan masalah polisemi, maka penyusun kamus mestilah membuat kajian bersandarkan bukti korpus atau *corpus based lexicography*. Kajian bersandarkan bukti korpus memerlukan aspek makna dan sintaksis satu-satu kata dianalisis dengan menggunakan contoh-contoh ayat yang diambil daripada korpus kajian. Fillmore dan Atkins telah membina satu jaringan semantik kata *crawl* dan peluasan maknanya untuk mengenal pasti sensa makna

kata tersebut. Bukan sahaja makna teras dan peluasan makna dikenal pasti, malah *grammatical expressions* atau sintaksis penggunaan kata *crawl* turut diambil kira.

Atkins, Rundell dan Sato (2003) pula menganalisis entri kata kerja *cook* yang terkandung dalam kamus dwibahasa Inggeris-Perancis. Mereka mendapati bahawa jumlah data korpus yang besar sekalipun masih menyukarkan penyusun kamus mencari maklumat yang penting untuk diekstrakkan. Mereka menyatakan bahawa penyusun kamus memerlukan data korpus leksikografi dalam bentuk *keyword-in-context* (KWIC) atau konkordans yang boleh dirujuk dengan melihat konteks keseluruhan ayat atau teks sumber. Kaedah korpus leksikografi ini didapati mampu membantu mempercepatkan lagi kerja-kerja penyusunan kamus berbanding dengan kaedah tradisional yang digunakan sebelum itu yang memerlukan rujukan dilakukan secara manual. Walaupun data korpus ini sudah wujud tetapi kaedah terkini yang muncul didapati masih tidak mampu mengubah kaedah tradisional dalam pencarian maklumat kata yang dilakukan. Kaedah penyusunan kamus lazimnya mengenal pasti sensa kata yang terlibat dan analisis yang lebih terperinci perlu dilakukan. Penyusun kamus atau pekamus digalakkan untuk menumpukan perhatian terhadap pola sintaksis ayat dan makna tersebut sendiri. Menurut Atkins, Rundell dan Sato (2003), kerja-kerja yang dilakukan oleh pekamus banyak bersandarkan intuisi mereka sendiri. Oleh itu, Atkins, Rundell dan Sato (2003) pun mengesyorkan penerapan teori FS bagi membantu memudahkan lagi proses pencerakinan sensa makna kata melalui analisis kata dalam ayat di dalam korpus. Analisis FS dan pangkalan FrameNet telah mengenal pasti dua sensa makna untuk kata *cook* transitif yang tidak direkodkan ke dalam kamus dwibahasa *Collins-Robert English-French Dictionary* (CREFD).

Atkins dan Rundell (2008) mengesyorkan supaya pekamus membina pangkalan data maklumat tentang kamus yang disediakan tersebut. Bagi kamus dwibahasa, pangkalan data tersebut perlu mengandungi maklumat penting tentang setiap entri bahasa sumber berdasarkan fakta yang berteraskan data korpus dan diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Maklumat yang perlu wujud ialah:

1. Pemerian makna.
2. Rekod *combinatorial behaviour* termasuklah frasa yang terlibat (*multi word expressions* atau MWEs), kolokasi, pola korpus.
3. Maklumat stilistik, subjek, fitur lain yang memerlukan label linguistik.
4. Satu atau dua contoh daripada korpus.

Selepas kesemua maklumat tersebut selesai dimasukkan ke dalam pangkalan data, maka barulah satu-satu entri tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.

Artikel ini juga mengaplikasikan pemetaan Boas (2001; 2002; 2005; 2009) yang menggunakan teori FS dalam analisis untuk perbandingan dua bahasa seperti kajian yang pernah dilakukan oleh beliau sendiri yang memperlihatkan beliau membandingkan argumen sintaktik dan semantik kata kerja pergerakan dalam bahasa Inggeris dan Jerman. Dalam penulisannya, Boas mendapat bahawa teori FS berjaya diaplikasikan untuk mengenal pasti pola bahasa untuk ranah makna yang sama antara dua bahasa.

### **Metodologi**

Analisis berdasarkan teori FS yang akan dibincangkan di dalam artikel ini menyenaraikan sensa makna bagi kata kerja "mengambil" berdasarkan maklumat data korpus UKM-DBP yang berjumlah sebanyak lima juta patah perkataan serta rujukan daripada KD4, dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris dan maklumat leksikal dan padanan dalam bahasa Inggeris daripada pangkalan FrameNet. Setelah satu-satu entri tersebut selesai disusun sensa maknanya dalam bahasa Melayu, maka barulah ayat contoh yang diambil daripada korpus diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Padanan kata bahasa Inggeris yang sesuai diambil daripada maklumat ranah bahasa Inggeris daripada FrameNet yang membawa makna yang sama dengan ranah bahasa Melayu.

Aplikasi teori FS mengandungi langkah-langkah seperti yang berikut:

1. Membandingkan maklumat antara kamus tentang pembahagian sensa makna.
2. Melihat data korpus bagi memastikan binaan ayat yang paling kerap.
3. Mengenal pasti ranah dan unsur ranah.
4. Mengenal pasti kumpulan valensi.
5. Mengenal pasti makna ranah, unsur ranah dan ayat contoh bahasa Melayu yang penting untuk dimasukkan ke dalam kamus.
6. Mencari padanan bahasa Inggeris yang sesuai bagi setiap ranah dan menterjemahkan ayat contoh ke dalam bahasa Inggeris.
7. Memastikan ranah bahasa Melayu tersebut boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris.

### **Analisis Data**

Kata "mengambil" yang dikaji ini merupakan antara kata kerja yang paling tinggi kekerapannya, iaitu sebanyak 4,316 kali penggunaan atau sebanyak 0.08% di dalam data korpus UKM-DBP yang mempunyai jumlah kata sebanyak lima juta patah perkataan tersebut. Kata "mengambil" yang dikaji ini mengandungi sebanyak 3,774 ayat transitif yang mempunyai penyambut objek (Asmah 1986; Nik Safiah Karim et al. 1993). Menurut Asmah (1986), kata "mengambil"

merujuk kepada perbuatan sengaja, perbuatan yang seketika, perbuatan gerak dan perbuatan memanfaatkan.

Analisis FS melihat objek penyambut untuk kata kerja "mengambil" yang dikenal pasti valensnya dan kumpulan valensi yang lain. Kumpulan valensi ini merupakan unsur ranah yang membentuk makna ranah suatu kata itu. Perbezaan sensa makna "mengambil" tersebut dibezakan dengan ranah-ranah yang berbeza yang mempunyai unsur ranah yang juga berbeza. Dalam kajian kognitif linguistik yang dilakukan oleh Radden dan Dirven (2007), didapati bahawa kata "mengambil" boleh digolongkan ke dalam kata kerja pindah *transfer* dan kata kerja pergerakan *motion verb*. Analisis yang berteraskan FS mengenal pasti setiap sensa sebagai satu ranah<sup>2</sup> yang mengandungi unsur ranah, manakala setiap ranah pula mengandungi unsur ranah yang berbeza untuk membezakan setiap satu ranah tersebut. Selepas mengenal pasti pecahan makna berdasarkan ranah yang berbeza, seterusnya pula ayat contoh yang diambil daripada data korpus akan dipilih untuk membezakan ranah-ranah tersebut. Ayat-ayat contoh bahasa Melayu daripada korpus akan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris kerana entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris yang lengkap memerlukan ayat bahasa Melayu yang menggunakan kata "mengambil" dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

Apabila bukti data korpus dianalisis dengan pendekatan teori FS, kata "mengambil" membawa dua makna ranah, iaitu:

1. Ranah *Mengambil Fizikal*
2. Ranah *Mengambil Abstrak*

Ranah *Mengambil Fizikal* merupakan ranah teras yang membawa makna "Agen mengalihkan atau mendapatkan sesuatu Tema konkrit dari/daripada Punca". Unsur-unsur ranah yang terlibat ialah Agen, Tema dan Punca. Makna *Mengambil Fizikal* merupakan makna yang paling umum seperti yang disediakan sebagai makna teras oleh KD4, iaitu memegang (memungut, memetik dan lain-lain) sesuatu serta menyimpannya atau membawa pergi. Ranah fizikal ini boleh diluaskan lagi kepada empat ranah yang lebih khusus seperti yang ditunjukkan berikut:

1. Ranah *Makan Minum*
2. Ranah *Keahlian, Menjalin Perhubungan*
3. Ranah *Mengambil Tanpa Kebenaran (Mencuri)*
4. Ranah *Nilai Tambah Fizikal*

Ranah-ranah makna yang dikemukakan tersebut melibatkan Tema konkrit, iaitu objek selepas kata "mengambil" merupakan objek kata kerja yang bersifat konkrit seperti anak, pekerja, Siti, surat dan sebagainya. Jumlah konkordans ayat yang

mengandungi Tema konkrit hanyalah sebanyak 8% daripada keseluruhan korpus kajian, iaitu sebanyak 291 ayat konkordans. Walaupun jumlahnya didapati sedikit tetapi makna ranah *Mengambil Fizikal* ini tetap dianggap penting kerana makna ranah tersebut merupakan makna teras untuk kesemua ranah fizikal yang lain.

Ranah abstrak merupakan ranah peluasan daripada ranah fizikal. Kata "mengambil" yang diikuti oleh Tema abstrak memperlihatkan jumlah konkordans yang tinggi, iaitu kira-kira 88% daripada keseluruhan data korpus kajian yang mewakili sebanyak 3,252 ayat konkordans. Ranah *Mengambil Abstrak* boleh diperluaskan kepada tiga ranah lagi seperti berikut:

1. Ranah *Nilai Tambah Abstrak*
2. Ranah *Menerima Unsur Nilai*
3. Ranah *Melakukan Aktiviti*

### **Perbincangan Analisis**

Dua ranah akan diberi perhatian di dalam artikel ini, iaitu ranah *Mengambil Fizikal* dan ranah abstrak *Melakukan Aktiviti*. Perbincangan analisis ranah dilakukan berdasarkan bukti korpus dan pemetaan ranah bahasa Melayu dan ranah bahasa Inggeris untuk mencari padanan bahasa Inggeris yang sesuai. Walaupun hanya dua ranah yang akan dibincangkan tetapi satu pangkalan data analisis untuk kesemua ranah kata "mengambil" akan disediakan. Berdasarkan maklumat pangkalan data tersebut, maka satu entri kata "mengambil" untuk entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris akan dicadangkan.

#### **Ranah *Mengambil Fizikal***

Ranah *Mengambil Fizikal* ini membawa maksud seorang Agen mengalihkan atau mendapatkan sesuatu Tema dari/daripada Punca. Tema untuk ranah ini ialah fizikal dan konkrit sifatnya seperti mengambil "air, alu lesung, wang" dan sebagainya. Ranah ini juga merupakan makna teras yang disediakan di dalam KD4, IMED dan KPBMBI. Unsur ranah ialah Agen, Punca dan Tema. Agen ialah seseorang yang mengalihkan atau mendapatkan suatu Tema dari/daripada Punca dan menjadikan Tema menjadi kepunyaannya. Punca ialah tempat asal lokasi Tema, manakala Tema pula ialah sesuatu yang dialihkan oleh Agen dari lokasi Punca yang bersifat fizikal atau konkrit.


Walaupun ranah *Mengambil Fizikal* membawa makna umum atau teras tetapi bukti korpus hanya menunjukkan sebanyak 8% daripada keseluruhan data yang menunjukkan Tema yang bersifat fizikal. Untuk mendapatkan analisis FS yang lengkap, maka disediakan maklumat leksikal, makna ranah, unsur ranah, unit

leksikal (LU) dalam bahasa Inggeris, ayat contoh dan terjemahannya yang boleh dilihat menerusi Rajah 1.

Lemma	Ambil
LU/unit leksikal	mengambil
Kelas kata	kata kerja
Ranah <i>Mengambil Fizikal</i>	Agen mengalihkan atau mendapatkan sesuatu Tema dari Punca.
Unsur Ranah	Agen, Punca, Tema
Contoh ayat	Halil meluru ke dapur, <u>mengambil alu lesung</u> .
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	(Subjek/Agen) + mengambil (Objek/Tema) dari + (Komp/Punca)
Terjemahan ayat	<i>Halil dashed into the kitchen and took the mortar and pestle.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Take</i>

**Rajah 1.** Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

Bukti korpus yang membawa makna ranah *Mengambil Fizikal* teras ini mempunyai pola valensi seperti dalam Rajah 1, iaitu mesti mengandungi unsur Agen/FN/Subjek, Tema/FN/Objek dan Punca/FN/Komp. Setiap Tema kemudiannya diikuti oleh kata sendi nama "dari" yang memberi klu untuk unsur Punca, iaitu lokasi asal Tema sebelum dialihkan oleh Agen. Ranah ini boleh disesuaikan dengan ranah *Taking* dalam bahasa Inggeris yang diambil daripada FrameNet kerana maknanya dan unsur-unsur ranah yang terlibat adalah sama. Ranah *Taking* membawa maksud seorang Agen mengalihkan suatu Tema dari suatu Punca dan unsur ranah yang terlibat ialah Agen, Tema dan Punca. Ranah *Mengambil Fizikal* ini boleh dipetakan dengan ranah *Taking* daripada pangkalan FrameNet seperti yang ditunjukkan menerusi Rajah 2.



**Rajah 2.** Pemetaan ranah *Mengambil Fizikal* dan *Taking*

### Ranah Melakukan Aktiviti

Ranah *Melakukan Aktiviti* ini membawa maksud seorang Agen melakukan sesuatu Aksi yang disengajakan. Sebanyak 53% daripada keseluruhan data korpus "mengambil" membawa maksud ranah ini seperti Agen *mengambil tindakan* (283 kali), *mengambil alih* (306 kali), *mengambil kesempatan* (253 kali), *mengambil langkah* (239 kali), *mengambil bahagian* (225 kali) dan pelbagai lagi contoh lain. Unsur aksi merupakan aktiviti melakukan tindakan, mengalih sesuatu, mengambil kesempatan, mengambil langkah dan beberapa contoh lain yang menunjukkan aktiviti yang dilakukan oleh Agen. Dalam ranah ini, unsur teras ialah unsur Agen yang melakukan sesuatu dengan sengaja untuk tujuan tertentu, manakala unsur Aksi ialah aktiviti yang dilakukan oleh Agen. Ranah ini seiring dengan hampir kesemua sensa makna entri *take* di dalam kamus *Macmillan English Dictionary* (MED) yang membawa maksud "melakukan sesuatu".


Untuk mendapatkan analisis FS yang lengkap, maka maklumat leksikal kata, makna ranah *Melakukan Aktiviti*, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris ada disediakan seperti yang ditunjukkan menerusi Rajah 3.

Lemma	Ambil
LU/unit leksikal	mengambil
Kelas kata	kata kerja
Ranah <i>Melakukan Aktiviti</i>	Ranah ini membawa maksud seorang Agen melakukan sesuatu Aksi yang disengajakan dan Situasi menceritakan mengenai Aksi yang dilakukan.
Unsur Ranah	Agen dan Aksi
Contoh ayat	Kementerian Pendidikan <i>mengambil langkah</i> yang bijak apabila memperkenalkan sekolah bestari.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + mengambil + (Objek/Aksi)
Terjemahan ayat	<i>The Ministry of Education made a smart move by introducing smart schools.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Make</i>

**Rajah 3.** Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

Ranah ini boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *Intentionally Act* daripada FrameNet kerana ranah bahasa Inggeris ini mempunyai unsur ranah yang sama dengan *Melakukan Aktiviti*. Unsur-unsur ranah *Intentionally Act* ialah Agen (*Agent*), iaitu seseorang yang melakukan Aksi (*Action*). Ranah *Melakukan*

*Aktiviti* ini dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris *Intentionally Act* seperti yang ditunjukkan menerusi Rajah 4.



**Rajah 4.** Ranah Menghasilkan Sesuatu dipetakan dengan ranah *Intentionally Act*

#### **Maklumat makna dan pangkalan data kamus serta cadangan entri "mengambil" untuk kamus dwibahasa Melayu-Inggeris**

Setelah setiap sensa makna dikenal pasti melalui pola valensinya, maka kesemua maklumat tersebut pun dimasukkan ke dalam satu pangkalan data yang boleh digunakan oleh pekamus. Analisis FS dalam Jadual 3 membekalkan kesemua ranah untuk kata "mengambil" walaupun hanya dua ranah sahaja yang dibincangkan. Maklumat yang disediakan dalam Jadual 3 termasuklah makna ranah, unsur ranah yang terlibat, contoh ayat bahasa Melayu, maklumat valensi, terjemahan ayat bahasa Inggeris dan unit leksikal atau LU bahasa Inggeris.

Setelah mengambil kira maklumat hasil daripada analisis yang dibincangkan sebelum ini, seterusnya pula satu entri kata "mengambil" untuk kamus dwibahasa Melayu-Inggeris yang lebih lengkap dicadangkan seperti yang ditunjukkan menerusi Rajah 5. Analisis FS mendapati bahawa terdapat tujuh ranah yang boleh dijana daripada kata leksikal "mengambil" dan menyediakan tujuh sensa makna untuk "mengambil" bersama senarai padanan dalam bahasa Inggeris. Selain padanan dalam bahasa Inggeris, ayat contoh dalam bahasa Melayu yang diambil daripada korpus dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris turut disediakan dalam entri kamus ini.

**Jadual 3.** Pangkalan data berkenaan kata "mengambil" dan semua ranah yang terlibat bersama pola valensi, contoh ayat, terjemahan contoh ayat dan padanan LU dalam bahasa Inggeris

Lemma	Ambil
LU/unit leksikal	Mengambil
Kelas kata	kata kerja
<u>Ranah Mengambil Fizikal</u>	Agen mengalihkan atau mendapatkan sesuatu Tema dari Punca.
Unsur Ranah	Agen, Punca dan Tema
Contoh ayat	Halil meluru ke dapur, mengambil alu lesung.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Age) + mengambil + (Objek/Tema) + dari + (Komp/Punca)
Terjemahan ayat	<i>Halil dashed into the kitchen and took the mortar and pestle.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Take</i>
<u>Ranah Makan Minum</u>	Agen memasukkan bahan makanan atau minuman ke dalam mulut untuk tujuan tertentu seperti lapar atau mengambil ubat kerana sakit.
Unsur Ranah <u>Makan Minum</u>	Agen, Bahan makanan dan minuman, Tujuan
Contoh ayat	Ada antara kita yang mengambil pil kontraseptif untuk merancang keluarga.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + mengambil + (Objek/Bahan makanan atau minuman)
Terjemahan ayat	<i>Some of us take contraceptive pills for family planning.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Take</i>
<u>Ranah Mengambil Tanpa Kebenaran-Mencuri</u>	Seorang Penjenayah mendapatkan atau mengalihkan sesuatu Barang dari suatu Punca atau seorang Mangsa tanpa kebenaran atau kemahanuan Mangsa.
Unsur Ranah	Penjenayah, Barang, Punca, Mangsa
Contoh ayat	Mereka mengambil wang yang didermakan kepadanya tanpa memberikan sebarang resit.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Penjenayah) + mengambil + (Objek/Barangan) dari (Punca/Komp) atau (Mangsa/Komp)
Terjemahan ayat	<i>They took the money donated to them without issuing receipts.</i>
LU bahasa Inggeris	<i>Take, Steal</i>
<u>Ranah Nilai Tambah Fizikal</u>	Makna ranah ini ialah seorang Agen membuat pengiraan Jumlah Bilangan sesuatu entiti fizikal dan Hasilnya jumlah bilangan entiti tersebut bertambah.

(bersambung)

**Jadual 3. (sambungan)**

<b>Lemma</b>	<b>Ambil</b>
Unsur Ranah	Agen, Jumlah Bilangan
Contoh ayat	Perak mengambil 13 orang pemain.
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Take</i>
Ranah <u>Nilai Tambah Abstrak</u>	Makna ranah ini ialah seorang Agen membuat pengiraan Jumlah Bilangan sesuatu entiti abstrak dan hasilnya jumlah bilangan entiti abstrak tersebut bertambah.
Unsur Ranah	Agen, Jumlah Bilangan
Contoh ayat	Farid mengambil masa lebih sejam berjalan kaki ke hutan Tenang.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + mengambil + (Objek/Jumlah Bilangan)
Terjemahan ayat	<i>Farid took an hour to walk to Tenang forest.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Take</i>
Ranah <u>Menerima Unsur Nilai</u>	Ranah ini bermaksud seorang Agen tersebut mengambil sesuatu Nilai iaitu sikap atau pendirian mengenai sesuatu perkara.
Unsur Ranah	Agen, Nilai
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Adopt</i>
Ranah <u>Melakukan Aktiviti</u>	Ranah ini membawa maksud seorang Agen melakukan sesuatu Aksi yang disengajakan dan Situasi menceritakan mengenai Aksi yang dilakukan.
Unsur Ranah	Agen, Aksi, Situasi
Contoh ayat	Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang bijak apabila memperkenalkan sekolah bestari.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + mengambil + (Objek/Aksi) + Komplemen (Situasi)
Terjemahan ayat	<i>The Ministry of Education made a smart move by introducing smart schools.</i>
LU dalam bahasa Inggeris	<i>Make</i>

Tujuh sensa makna "mengambil" terdiri daripada makna mengambil fizikal, makna makan dan minum, keahlian dan perhubungan, mencuri, nilai tambah (fizikal dan abstrak), menerima unsur nilai dan melakukan aktiviti. Jika dibandingkan dapatan hasil FS tersebut dengan entri KD4, didapati bahawa sensa makna KD4 kerap diulang dan bertindan antara satu sama lain. Analisis FS juga menjumpai makna baru yang tidak direkodkan oleh KD4, iaitu makna sensa makan minum dan melakukan aktiviti. Sensa makna makan dan minum dan melakukan aktiviti menggunakan kata "mengambil" penting untuk direkodkan kerana penggunaannya ada di dalam korpus yang memperlihatkan sensa makna

melakukan aktiviti ternyata tinggi kekerapan penggunaannya di dalam data korpus kajian. Padanan bahasa Inggeris yang dirujuk menerusi FrameNet juga didapati bervariasi atau pelbagai mengikut makna ranah seperti mengambil fizikal "*to take*", makan dan minum "*to take, consume, eat, drink*", keahlian dan perhubungan "*to take, marry, hire*", mencuri "*take, steal, lift, heist, snatch*" dan sebagainya, nilai tambah (fizikal dan abstrak) "*to take, add up, tally, total*", menerima unsur nilai "*adopt*" dan melakukan aktiviti "*to take, conduct, carry out, act, engage, execute, perform*".

- mengambil kj. Tf. 1. Seseorang mengalihkan dan mendapat sesuatu, mengambil batu lesung**  
*to take Halil meluru ke dapur, mengambil alu lesung. Halil dashed into the kitchen and took the mortar and pestle.*
2. **Seseorang makan dan minum bahan makanan atau minuman, mengambil buah-buahan**  
*to take, Ada antara kita yang mengambil pil kontraseptif untuk merancang keluarga Some of us take contraceptive pills for family planning.*
  3. **Seseorang mendapat keahlian dalam suatu persatuan, pekerjaan, atau menjalin perhubungan, mengambil isteri**  
*take somebody as a wife, Abang rupa-rupanya masih berhajat untuk mengambil Aida sebagai suri rumahtangganya. Abang still intends to take Aida as his wife.*
  4. **Seseorang mendapatkan sesuatu tanpa kebenaran, mengambil wang, mencuri**  
*to take, steal Mereka mengambil wang yang didermakan kepadanya tanpa memberikan sebarang resit. They took the money donated to them without issuing receipts.*
  5. **Seseorang atau pihak menambah bilangan ahli fizikal atau unsur abstrak, mengambil pemain**  
*to take Perak mengambil 13 orang pemain. Perak took 13 players Farid mengambil masa lebih sejam berjalan kaki ke hutan Tenang. Farid took an hour to walk to Tenang forest.*
  6. **Seseorang menerima unsur nilai, mengambil nilai, sikap**  
*to adopt Kita harus mengambil sikap bertimbang rasa, bertolak ansur dan sama-sama berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini mengikut musyawarah We should adopt a considerate attitude, and compromise by working together to try to find a way to resolve this problem by discussion.*
  7. **Seseorang atau pihak melakukan aktiviti, mengambil tindakan**  
*make, to take action, to carry out mengambil alih to take over, mengambil kesempatan to take the opportunity Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang bijak apabila memperkenalkan sekolah bestari. The Ministry of Education made a smart move by introducing smart schools.*

**Rajah 5.** Cadangan entri "mengambil"

### Kesimpulan

Masalah padanan dalam kamus dwibahasa sering kali menghambat pengguna kamus. Kebanyakan kamus yang dihasilkan didapati hanya memberi padanan secara intuisi ataupun berdasarkan maklumat yang diterjemahkan secara harfiah daripada kamus lain. Padanan makna seumpama ini ternyata meninggalkan kelompongan dalam dunia perkamusian dwibahasa. Artikel ini telah membincangkan analisis makna dan padanan entri "mengambil" dengan menerapkan pendekatan teori FS berserta dapatan bukti korpus UKM-DBP. Analisis tersebut telah berjaya menghasilkan entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris untuk entri "mengambil" yang lebih lengkap dan mantap kandungannya.

Dengan adanya metodologi yang sesuai, maka tatacara penyusunan kamus akan menjadi lebih teratur dan saintifik sifatnya. Di samping itu, dengan adanya penerapan analisis FS, maka padanan makna tidak akan dilakukan di luar konteks yang akan melahirkan kejanggalan makna. Makna yang tepat berdasarkan konteks penggunaan dan terjemahan akan menjadikan kamus dwibahasa lebih dihargai. Teori FS memudahkan pemetaan ranah bahasa Melayu dengan ranah bahasa Inggeris yang membawa makna yang sama. Hasil analisis FS ini kemudiannya dikumpulkan di dalam satu pangkalan data maklumat bagi membantu memudahkan penyusun kamus untuk mengedit dan menambah baik entri kamus dwibahasa. Dua kamus dwibahasa yang dikaji, iaitu KPBMBI dan IMED terbukti menyediakan maklumat makna dan padanan yang tidak lengkap.

Artikel ini juga menunjukkan bahawa teori FS mampu menyumbang kepada penulisan dan kajian tentang kamus dwibahasa. Seperti yang disarankan oleh Hartmann, kajian terhadap kamus dwibahasa ini menyediakan satu prasarana sihat ke arah perbincangan akademik tentang perkamusan atau sains leksikografi yang dilambangkan dengan huruf besar L untuk Leksikografi. Hal ini merupakan aktiviti berteori tentang perkamusan sebagai "kajian kamus" atau definisinya, *the academic study of such topics as the nature, history, criticism, typology and use of dictionaries and other reference works* (Hartmann 2001). Leksikografi dengan huruf L besar ini berbeza dengan leksikografi atau penyusunan kamus yang lazimnya dilakukan oleh penyusun kamus.

Analisis FS ini bukan sahaja mampu menyumbang kepada kajian kamus dwibahasa, malah turut sama mampu menyumbang kepada kajian kamus ekabahasa bahasa Melayu kerana dapat menghasilkan pangkalan data FrameNet bahasa Melayu (Intan Safinaz 2013). Analisis yang dilakukan juga mendapati bahawa KD4 masih boleh diperbaiki lagi kerana terdapatnya sensa makna yang disediakan yang masih mempunyai pertindanan dan pengulangan makna memandangkan perbezaan antara satu sensa dengan sensa yang lain tidak disediakan dengan jelas.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh GGPM-2011-048 Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Nota

1. Rujuk laman web [www.framenet.icsi.berkeley.edu](http://www.framenet.icsi.berkeley.edu) untuk maklumat lebih lanjut.
2. Setiap perkataan yang mewakili satu ranah akan dikenal pasti dengan huruf *italic* contohnya ranah *Mengambil*.

## Bibliografi

- Asmah Omar. 1986. *Nahu Melayu mutakhir*. New edition. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkins, B. T. S. and Fillmore, C. J. 1994. Applying the verbs of seeing: A frame semantics approach to corpus lexicography. In *Proceedings of the Twentieth Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society*. eds. S. Gahl, C. Johnson and A. Dolbey. California: UC Berkeley.
- Atkins, B. T. S., Fillmore, C. J. and Johnson, C. R. 2003. Lexicographic relevance: Selecting information from corpus evidence. *International Journal of Lexicography* 16(3): 251–280.
- Atkins, B. T. S. and Rundell, M. 2008. *The Oxford guide to practical lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Atkins, B. T. S., Rundell, M. and Sato, H. 2003. The contribution of FrameNet to practical lexicography. *International Journal of Lexicography* 16(3): 333–357.
- Boas, H. C. 2009. *Multilingual FrameNets in computational lexicography: Methods and applications*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- \_\_\_\_\_. 2005. Semantic frames as interlingual representations for multilingual lexical databases. *International Journal of Lexicography* 18(4): 445–478.
- \_\_\_\_\_. 2002. Bilingual FrameNet dictionaries for machine translation. In *Proceedings of the Third International Conference on Language Resources and Evaluation (LREC–2002)*. Las Palmas, Spain: European Language Resources Association (ELRA).
- \_\_\_\_\_. 2001. Frame semantics as a framework for describing polysemy and syntactic structures of English and German motion verbs in contrastive computational lexicography. In *Proceedings of Corpus Linguistics 2001 Conference*. eds. P. Rayson, A. Wilson, T. McEnery, A. Hardie and S. Khoja. Lancaster: University Centre for Computer Corpus Research on Language.
- Fadilah Jasmani. 2005. Kamus dwibahasa: Terjemahan lengkap dan separa lengkap. In *Prosiding CD-Rom Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fillmore, C. J. 1982. Frame semantics. In *Linguistics in the morning calm*. ed. The Linguistics Society of Korea. Seoul: Hanshin Publishing Co.
- Fillmore, C. J. and Atkins, B. T. S. 2000. Describing polysemy: The case of crawl. In *Polysemy: Theoretical and computational approaches*. eds. Y. Ravin and C. Leacock. Oxford: Oxford University Press.
- Fillmore, C. J., Johnson, C. R. and Petrucci, M. R. L. 2003. Background to FrameNet. *International Journal of Lexicography* 16(3): 235–250.
- Fillmore, C. J. and Petrucci, M. R. L. 2003. FrameNet glossary. *International Journal of Lexicography* 16(3): 359–361.
- Goh, S. S. 2011. Penterjemahan kata kerja bahasa Cina–Melayu: Satu analisis ketepatan makna padanan. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(1): 35–56.
- Hartmann, R. R. K. 2001. *Teaching and researching lexicography*. Harlow, England: Pearson Education Limited.
- Ibrahim Ahmad. 2005. *Perkamusan Melayu teori dan amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Intan Safinaz Zainudin. 2013. Malay FrameNet: An application for bilingual dictionary. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 21(S): 41–50.
- Kamus Dewan*. 2005. 4th edition. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Intelek Malay-English Dictionary*. 1996. Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn. Bhd.
- Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. 1998. Selangor, Malaysia: Penerbitan Daya Sdn. Bhd.
- Macmillan English Dictionary*. 2002. London: Macmillan Publishers Limited.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa and Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Tatabahasa Dewan*. New edition. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom and Fadilah Jasmani. 2003. Penterjemahan dalam penyusunan kamus dwibahasa pengalaman DBP. Paper presented at Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2–4 September.
- Radden, G. and Dirven, R. 2007. *Cognitive English grammar*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Rusmadi Baharuddin. 2003. *Pengendalian polisemi kata kerja unggulan di dalam kamus bahasa Melayu: Satu pendekatan linguistik kognitif*. MA diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.